

07/08/2003

Dr M gembira patriotisme rakyat meningkat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pelbagai kegiatan yang dilaksanakan bagi menyambut Hari Kemerdekaan sejak beberapa tahun kebelakangan mempamerkan peningkatan semangat patriotisme rakyat.

Perdana Menteri berkata, kegiatan berkenaan mampu meningkatkan semangat cintakan negara, sekali gus membuktikan rakyat menghargai kebebasan daripada penjajah.

"Untuk mendapatkan kemerdekaan, ramai yang bertungkus lumus menentang British. Sumbangan mereka tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Akibat perubahan masa, manusia lupa sejarah. Penghargaan kepada pejuang kemerdekaan merosot.

"Bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ramai yang menunjukkan penghargaan kepada kemerdekaan. Setiap kali kita menyambut kemerdekaan, pelbagai kegiatan dijalankan. Ini amat baik," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan pameran 'Imajan dan Suara Kemerdekaan' anjuran Malayan Banking Bhd (Maybank) dan Anugerah Gallery Sdn Bhd, di Balai Seni Maybank, di sini malam tadi.

Pada majlis itu, Maybank turut menyumbangkan RM200,000 kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan manakala 107 pelukis yang menyertai pameran akan mendermakan sebahagian hasil jualan lukisan kepada tabung itu.